



TEKS UCAPAN
YB. DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN BENGKEL AUDIT AKSES
DALAM PERSEKITARAN ALAM BINAAN**

21 MAC 2016 (ISNIN)

**ISLAMIC INFORMATION CENTRE
KUCHING, SARAWAK**

Assalammualaikum wbt dan Salam Sejahtera

<SALUTASI>

PENDAHULUAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya dapat kita semua berada di Islamic Information Centre di Kuching Sarawak mengadakan Bengkel Audit Akses Dalam Persekutaran Alam Bina Untuk Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pihak Berkuasa Tempatan Dan Badan Perunding/Profesional pada tahun ini .

2. Sebelum saya meneruskan ucapan, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya, Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak dan Jabatan Standards Malaysia yang telah memberikan kepercayaan kepada Universal Design Built Environment (UDBE) & KAED Universal Design Unit (KUDU), Unit Penyelidikan dan Konsultasi di bawah Kuliah Seni Bina dan Alam Sekitar dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

3. Hari ini saya rasa amat gembira dan berterima kasih kepada semua yang terlibat kerana berjaya melaksanakan salah satu cadangan semasa Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya yang telah bermesyuarat di UTC Kuching pada 22 Februari 2016 dan memohon agar satu Bengkel Audit Akses Dalam Persekutaran Alam Bina untuk Sarawak diadakan. Semasa lawatan rasmi Ahli Majlis Kebangsaan Bagi OKU ke Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) pada 23 Februari 2016 juga telah dinyatakan mengenai keperluan Bengkel ini.

APLIKASIKAN KEMUDAHAN MESRA OKU

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Bengkel ini diadakan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat khususnya kepada para profesional dalam industri binaan, pegawai pembangunan di peringkat PBT, agensi- agensi kerajaan berkaitan termasuk pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat berkenaan kemudahan mesra OKU yang dapat diterapkan dan diaplikasikan dalam semua projek pembangunan. Pembangunan yang pesat dan

progresif yang wujud di rantau Asia Tenggara perlu mengambil kira keupayaan golongan OKU dengan menyediakan alam bina yang dirancang dan dibentuk berdasarkan konsep reka bentuk sejagat (Universal Design). Para pegawai khidmat masyarakat dan profesional dalam sektor pembinaan adalah kumpulan terpenting untuk menerajui prinsip ini dalam konteks alam bina bebas halangan dan reka bentuk sejagat dalam semua tipologi bangunan seperti sekolah, perumahan, bangunan perniagaan, pejabat dan sebagainya.

5. Kursus dua hari yang diadakan di Islamic Information Centre ini juga melibatkan sesi audit akses di tempat-tempat yang dipilih iaitu di Majlis Bandaraya Kuching Selatan, Kompleks Sukan (Jabatan Belia dan Sukan), Spring Shoping Kompleks, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching dan Hospital Umum Kuching.
6. Saya difahamkan bahawa peserta bengkel ini dijemput di kalangan semua Pegawai Kebajikan Masyarakat Bahagian (11 Bahagian), Pegawai Teknikal, Perunding Profesional dari 24 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), seluruh Sarawak dan Pegawai Teknikal (Jabatan Kerja Raya) dari Kuching sehingga ke Limbang. Jumlah keseluruhan

yang dijemput adalah seramai 53 orang.

BERKOLABORASI MENYEDIAKAN AKSES OKU

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Saya rasa bengkel yang diadakan ini adalah amat bertepatan bagi memperkenalkan para peserta tentang aplikasi konsep halangan dan reka bentuk khususnya kepada golongan kurang upaya, kanak-kanak dan golongan tua dalam persekitaran alam binaan. Ianya juga bagi menggalakkan kesedaran kepada semua tentang masalah dan cabaran yang dihadapi oleh OKU dan golongan berumur jika fasiliti atau kemudahan yang disediakan tidak aksesibel.

8. Saya amat tertarik dengan kolaborasi yang wujud melalui bengkel ini yang mana dapat mendidik semua tentang contoh-contoh terbaik dalam sesebuah binaan alam sekitar yang menyediakan akses kepada golongan OKU seperti golongan berkerusi roda, OKU penglihatan, OKU pendengaran dan golongan yang bertongkat.

STATISTIK OKU

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Jumlah OKU yang berdaftar menerusi Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU) sehingga Februari 2016 adalah seramai 373,439 orang di seluruh Malaysia manakala seramai 25,574 orang telah berdaftar di negeri Sarawak.

Pendaftaran OKU di Negeri Sarawak Mengikut Kategori Sehingga Februari 2016

Jenis Kategori	Bilangan
Pendengaran	2,053
Penglihatan	2,923
Pertuturan	158
Fizikal	7,241
Masalah Pembelajaran	9,349
Mental	2,855
Pelbagai	995
JUMLAH	25,574

10. Selain itu, jumlah OKU yang berdaftar dengan 44 buah PDK seluruh Sarawak pula seramai 3,113 orang. Peruntukan tahun 2016 sehingga Jun 2016 diperuntukan bagi 44 buah PDK di Sarawak sahaja adalah sebanyak RM 4,956,052.00.

KOMITMEN KERAJAAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Seiring dengan wawasan negara maju menjelang tahun 2020,

kerajaan sentiasa komited dalam usaha meningkatkan kesejahteraan OKU berteraskan falsafah bahawa golongan ini juga mempunyai hak yang sama dengan orang lain. Kerajaan juga percaya bahawa dalam usaha mencapai aspirasi tersebut, setiap rakyat di negara ini termasuk golongan OKU harus diberi peluang yang sewajarnya bagi merealisasikan dan membangunkan potensi mereka ke tahap yang paling optimum ke arah membina masyarakat yang progresif, inklusif dan penyayang.

12. Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengubal Dasar Orang Kurang Upaya, Pelan Tindakan OKU serta menguatkuasakan Akta Orang Kurang Upaya 2008. Kesemua inisiatif ini bertujuan memastikan golongan OKU turut mempunyai hak penyamaan peluang dan penyertaan penuh dalam semua aspek kehidupan, termasuk akses kepada kemudahan awam, bangunan, pendidikan, maklumat, komunikasi dan teknologi maklumat (ICT). Akta OKU 2008 dengan jelas memberi perhatian khusus kepada perkara-perkara seperti berikut:

- ✓ **Seksyen 26** : Akses kepada kemudahan, perkhidmatan dan bangunan awam
- ✓ **Seksyen 27**: Akses kepada kemudahan pengangkutan awam
- ✓ **Seksyen 28**: Akses kepada pendidikan
- ✓ **Seksyen 29**: Akses kepada pekerjaan
- ✓ **Seksyen 30**: Akses kepada maklumat, komunikasi dan teknologi
- ✓ **Seksyen 31**: Akses kepada kehidupan berbudaya
- ✓ **Seksyen 32**: Akses kepada rekreasi, santai dan sukan

13. Bagi tahun 2016, KPWKM menerusi JKM telah menunjukkan komitmen dan kesungguhan tinggi dengan penganjuran beberapa program dan aktiviti penting di negeri Sarawak. Buat kali pertama, Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi OKU telah diadakan di luar Kuala Lumpur dengan memilih Bandaraya Kuching pada 22 Februari 2016. Seterusnya pada 23 Februari 2016, Ahli Majlis Kebangsaan OKU telah mengadakan lawatan pemantauan ke Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS). Datuk Bandar MBKS telah memberi komitmen tinggi untuk memastikan Bandaraya Kuching terus kekal sebagai Bandaraya mesra OKU. Selain penganjuran Bengkel Audit Akses pada hari ini di Kuching, Kerajaan Persekutuan juga telah meluluskan peruntukan untuk penubuhan 3 pusat Pemulihan Dalam

Komuniti (PDK) iaitu di Seratok, Batu Niah dan Gedong. Diharap golongan OKU di negeri Sarawak akan sentiasa menggunakan semua ruang dan peluang yang disediakan untuk meningkatkan potensi masing-masing.

HARAPAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

14. Besarlah harapan saya sekiranya, komitmen dan sokongan daripada semua pihak ini adalah amat penting untuk terus mengaplikasikan konsep bebas halangan dan reka bentuk sejagat dalam persekitaran alam bina negeri masing-masing. Selain itu, kita semua akan bermuafakat dalam mentakrif isu dan cabaran yang dihadapi oleh golongan orang kurang upaya melalui simulasi dan para peserta dapat merasai masalah yang dihadapi oleh Orang Kurang Upaya dalam menjalani kehidupan seharian. Hal ini perlulah dihayati dan dilaksanakan oleh semua pihak.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

15. Akhir sekali sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah dan

terima kasih sekali lagi kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan bengkel ini. Saya berharap agar kolaborasi yang terjalin ini dapat memberikan sinar yang lebih baik kepada golongan OKU.

Dengan lafaz yang mulia, Bismillahir-RahmanirRahim, saya dengan ini merasmikan **Bengkel Audit Akses Dalam Persekutaran Alam Bina Tahun 2016**.

Sekian.

**Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.**